munasabah dan tidak keraguan apa-apa, tiada keraguan yang munasabah yang telah dibangkitkan atau ditimbulkan ke atas kes pihak pendakwa.

Saya dapati T1 salah seperti di tuduhan, sabit seperti di tuduhan. Saya hukum T1 seperti di s. 39B(2) ADB, 1952 dibaca bersama s. 277 Kanun Acara Jenayah (FMS Bab 6).

PENDAKWA RAYA

lwn.

KOH POAY KHOON

MAHKAMAH TINGGI, TAIPING
DATO' HJ. ABDUL MALIK BIN HJ. ISHAK PK.
[KES JENAYAH PERAK BIL NO: 58-14-92]
1 APRIL 1993

DADAH BERBAHAYA: Tuduhan mengedar dadah berbahaya - Sama ada pihak pendakwa telah membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh - Keterangan oleh ahli kimia - Ahli kimia gagal menerangkan cara dia membuat pemeriksaan dan penganalisaan - Sama ada keterangan ahli kimia mencukupi untuk membuat keputusan bahawa ketulan-ketulan itu adalah heroin dan beratnya - Sama ada barang kes yang dirampas adalah sama dengan barang kes yang di analisa oleh ahli kimia - Kegagalan pendakwa mengemukakan barang kes - Akibatnya.

Tertuduh dituduh mengedar dadah berbahaya jenis heroin seberat 273.2 gram, satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB 1952). Tertuduh ditangkap secara serang hendap dengan menggunakan seorang ejen perangkap. Ahli kimia yang memberi keterangan bagi pihak pendakwa gagal menyebut nama-nama ujian yang dijalankan olehnya dan soalan yang timbul ialah sama ada keterangan ahli kimia boleh diterima memandangkan kegagalan ini.

Satu lagi soalan yang timbul ialah akibat kegagalan pihak pendakwa mengemukakan timah rokok yang di gunakan oleh ejen perangkap untuk menjalankan pemeriksaan rambang di tempat kejadian sebagai barang kes, walaupun ejen perangkap dalam keterangannya telah mengatakan bahawa beliau telah buangkan timah rokok di tempat kejadian.

Diputuskan:

[1] Kegagalan menyebut nama-nama ujian yang dijalankan oleh ahli kimia merupakan satu perkara pokok ynag membangkitkan was-was terhadap keputusan ahli kimia dan oleh yang demikian keterangan ahli kimia itu tidak patut diterima.

[2] Anggota polis telah memberi keterangan bahawa barang kes yang dirampas adalah merupakan serbuk dan ketulan manakala ahli kimia memberi keterangan bahawa ia merupakan ketulan sahaja. Perbezaan keterangan-keterangan diantara anggota-anggota polis dengan ahli kimia berkenaan barang kes menimbulkan satu keraguan yang serius berkenaan identiti barang kes iaitu sama ada barang kes yang dirampas oleh anggota polis daripada tertuduh di tempat kejadian adalah barang kes yang sama yang dianalisa oleh ahli kimia dan kemudiannya dibawa ke Mahkamah pada tarikh perbicaraan.

[3] Wlaupun ejen perangkap telah memberi keterangan bahawa beliau telah tebuk satu peket plastik di tempat kejadian bagi tujuan menjalankan pemeriksaan rambang, kesemua peket-peket plastik yang dikemukakan sebagai barang kes tidak menunjukkan kesan ditebuk.

[4] Tanpa timah rokok yang mengandungi bahan cair dan basah dikemukakan sebagai barang kes maka rangkaian keterangan kes pendakwaan telah terputus dan dengan sendirinya membawa padah kepada pihak pendakwa.

[5] Pihak pendakwa telah gagal mengemukakan keterangan-keterangan yang perlu untuk menunjukkan bahawa barang kes dikawal dengan rapi oleh ahli kimia semasa beliau menyimpan dadah itu di dalam 'locker'nya.

[6] Berdasarkan kecatatan-kecatatan yang terdapat pada kes pendakwaan, keterangan pihak pendakwa jauh kekurangan dan tidak mencukupi untuk membuktikan suatu kes *prima facie.*

[Tertuduh dibebaskan dan dilepaskan tanpa dipanggil membela diri].

Kes-kes yang dirujuk:

Munusamy lwn. Pendakwa Raya [1987] 1 CLJ 250 / [1987] 1 MLJ 493 SC ***(diikuti)***

Ng Yik Kwok and Others lwn. Pendakwa Raya [1989] 3 MLJ 166 ***(diikuti)***

Yeong Kia Heng lwn. Pendakwa Raya [1992] 1 CLJ 364 MA ***(dirujuk)***

Rex lwn. Bickley 73 JP 239 ***(dirujuk)***

R lwn. Mullins 3 Cox's Cr. Cases 526 ***(dirujuk)***

Sia Soon Suan lwn. Pendakwa Raya [1966] 1 MLJ 116 ***(dirujuk)***

Sun Kam Heng lwn. Pendakwa Raya [1993] 1 CLJ 109 / [1993] 1 AMR 2 SC ***(dirujuk)***

Shamsuddin bin Hassan & Anor. lwn. Pendakwa Raya [1991] 3 CLJ 2414 / [1991] 3 MLJ 314 SC ***(dirujuk)***

R lwn. Castleton [1909] Cr. App. Rep 74 ***(dirujuk)***

Baidyanath lwn. Allef Jan Bibi 36 CLJ 9, 70 IC 194 ***(dirujuk)***

Akta yang dirujuk:

Akta Dadah Merbahaya 1952, ss. 39B(1)(a), 39B(2) & 40A

Bagi pihak Pendakwa Raya - Hashim Hamzah, TPR

Bagi pihak tertuduh - Paramjit Singh dan Jula Singh

ALASAN PENGHAKIMAN

Hj. Abdul Malik bin Hj. Ishak PK:

Tertuduh dituduh seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 1 Ogos 1991 jam lebih kurang 11.05 p.m. di kawasan Perumahan Taman Serai Wangi, Bagan Serai, di dalam Daerah Kerian, di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan, telah mengedar dadah merbahaya iaitu heroin seberat 273.2 gram di dalam 7 bungkus plastik dan oleh yang demikian telah melakukan kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Merbahaya 1952 Akta 234 dan boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama.

Berikut adalah kes pendakwa:

Det.Konst. 98921 Mak Lean Seing (SP7) ("Mak") bertindak sebagai ejen *provocateur* (ejen perangkap) dan di atas arahan Inspektor Mohd. Zorki Saad (SP4) ("Zorki") telah bertolak pada 14 Julai 1991 jam lebih kurang 8.00 malam ke Bagan Serai daripada Ipoh untuk berjumpa sumber yang akan memperkenalkan beliau (Mak) kepada sasaran yang dikatakan akan membekalkan dadah kepada Mak. Sesampai di Bagan Serai, Mak berjaya mengesan sumber. Sumber telah membawa Mak ke Restoran Loke Yuen yang terletak di tepi jalan besar di Bagan Serai. Di dalam restoran tersebut sumber telah memperkenalkan Mak kepada sasaran. Sasaran diperkenalkan sebagai "Ah Choon". Selepas sumber memperkenalkan sasaran sebagai pembekal heroin daripada Pulau Pinang, maka perbincangan di antara Mak dan sasaran berkenaan pembekalan heroin pun rancak dijalankan. Mak minta pesanan 7 paun heroin dan sasaran setuju membekalkannya dengan harga RM3,500 untuk 1 paun. Selepas

persetujuan tercapai, mereka berdua (Mak dan sasaran) keluar daripada restoran tersebut untuk pergi mencari tempat yang sesuai bagi tujuan serah menyerah. Sumber tinggal keseorangan di restoran tersebut. Taman Serai Wangi, Bagan Serai - satu kawasan perumahan yang terbengkalai ("tempat kejadian") telah dikenalpasti sesuai untuk serah menyerah 7 paun heroin itu yang dijadualkan pada 30 Julai 1991 di antara pukul 10.00 malam hingga 11.00 malam. Selepas itu mereka berdua balik semula ke restoran tersebut. Sumber pada masa itu masih berada di dalam restoran tersebut dan selepas minum air mereka bertiga bersurai.

Sebenarnya apa yang berlaku di dalam restoran tersebut dilihat dan diperhatikan oleh Zorki dan L/Kpl. Det. 56040 Shafie bin Mat (SP5) ("Shafie"). Sejurus selepas memberi arahan kepada Mak, Zorki telah ke balai Polis, Bagan Serai dan mengambil Shafie dan mereka berdua pergi berjalan kaki ke kawasan sekitar restoran tersebut dan kawasan berdekatan pada malam itu juga (14 Julai 1991 jam lebih kurang 8.30 malam) untuk memperhatikan gerak geri sumber, sasaran dan Mak. Zorki dan Shafie telah mengesahkkan perjumpaan di antara Mak dengan sumber dan sasaran di restoran tersebut. Zorki dan Shafie juga telah mengesahkan bahawa mereka lihat Mak dan sasaran keluar daripada restoran itu (tanpa sumber yang tunggu di dalam restoran itu) dan menaiki kereta menuju ke Ipoh selama 10 hingga 15 minit, dan kemudian melihat mereka berdua balik dan terus masuk ke dalam restoran tersebut. Zorki dan Shafie kemudian telah melihat Mak, sumber dan sasaran minum air di restoran tersebut dan selepas itu mereka bertiga telah bersurai. Dengan lain perkataan keterangan Mak berkenaan berjumpaan beliau dengan sumber dan sasaran di restoran tersebut disokong oleh Zorki dan Shafie.

Ingin dinyatakan di sini bahawa Mak, Zorki dan Shafie telah camkan sasaran sebagai tertuduh.

Kembalinya Zorki di IPK Ipoh, Mak terus mentaklimatkan berkenaan perjumpaannya dengan tertuduh pada 14 Julai 1991 jam lebih kurang 8.30 malam itu di mana tertuduh telah bersetuju untuk membekalkan 7 paun heroin pada 30 Julai 1991 jam di antara 10.00 malam hingga 11.00 malam di tempat kejadian. Zorki telah mengarahkan Mak untuk menemui tertuduh pada tarikh, masa dan tempat yang dipersetujui itu. Mengikut Zorki pada 30 Julai 1991 jam 7.30 petang di IPK Ipoh Mak telah berjumpa Zorki di mana arahan-arahan berikut telah disampaikan kepada beliau (Mak) oleh Zorki:

(1) Mak diarah untuk bergerak bersendirian dengan menggunakan sebuah kereta dan menuju ke tempat yang dijanjikan dengan tertuduh;

(2) Mak diarah untuk memeriksa secara rambang bekalan dadah yang diserahkan oleh tertuduh;

(3) Mak diarah untuk memberi isyarat dengan membuka boot keretanya sekiranya tertuduh menyerahkan bekalan dadah kepada beliau. Berpandukan isyarat ini pasukan polis akan menyerbu dan menangkap tertuduh.

Setelah menerima arahan-arahan yang bernas daripada Zorki, Mak terus pergi dengan menggunakan kereta ke tempat yang dijanjikan dengan tertuduh dan tiba di sana pada jam 10.00 malam tarikh yang sama (30 Julai 1991). Lebih kurang 10.30 malam tertuduh kelihatan sedang berjalan kaki menuju ke tempat kejadian dan setibanya di situ terus berbual-bual di dalam bahasa Cina dengan Mak. Tertuduh memberitahu Mak bahawa dia (tertuduh) ada membawa 1 paun heroin yang diletakkan di dalam kereta yang di "park" (kan) di luar. Tertuduh juga minta Mak ambil bekalan satu paun heroin itu tetapi Mak enggan kerana telah dijanjikan oleh tertuduh bekalan heroin sebanyak 7 paun. Perbincangan di antara Mak dan tertuduh terus berjalan lancar di mana tertuduh berjanji hendak membekalkan 7 paun heroin pada 1 Ogos 1991 pada masa dan tempat yang sama. Selepas mencapai persetujuan itu maka tertuduh berjalan keluar daripada kawasan itu dan Mak juga beredar daripada tempat itu. Ini bermakna bahawa pada 30 Julai 1991 di tempat kejadian serah menyerah 7 paun heroin itu tidak berlaku dan tertuduh tidak ditangkap oleh pihak polis.

Apa yang berlaku pada 30 Julai 1991 jam 10.30 malam di tempat kejadian diawasi dan dilihat oleh Zorki, Shafie dan tiga lagi anggota polis yang pada masa itu telah mengambil tempat masing-masing di tempat kejadian itu. Pendeknya gerakgeri, perbualan di antara Mak dan tertuduh semuanya dilihat dan didengar

oleh Zorki, Shafie dan ketiga-tiga anggota polis itu. Mak sendiri tahu bahawa Zorki dan anggota-anggota polis ada di tempat kejadian, mengepong dan mengawasi situasi di sana.

Berkenaan dengan temujanji di antara tertuduh dengan Mak pada 1 Ogos 1991 pada masa dan tempat yang sama di mana tertuduh berjanji membekalkan 7 paun heroin kepada Mak, perkara ini telah diberitahu oleh Mak kepada Zorki, Zorki telah memberi arahan-arahan yang sama seperti yang dinyatakan di atas untuk Mak mengikutinya. Pendek kata Mak telah taklimatkan kepada Zorki berkenaan perkembangan kes ini dari masa ke semasa, dari mula hingga ke tahap yang akhir.

Seperti yang dirancang pada 1 Ogos 1991 jam lebih kurang 7.30 malam Zorki memberi taklimat kepada anggota pasukan polis yang terdiri daripada 12 orang pegawai-pegawai berkenaan serbuan yang akan diambil di tempat kejadian. Selepas taklimat Zorki dengan anggota pasukan polis (berpakaian preman dan membawa senjata api) pada jam lebih kurang 8.30 malam telah sampai di tempat kejadian dan mengambil tempat masing-masing. Di dalam pasukan pertama terdapat Zorki, Shafie dan empat orang anggota polis yang lain yang mengambil tempat di rumah yang kelima menghadap ke Jalan Pasir iaitu ditanda;

[1] seperti di dalam rajah kasar (P10). Pasukan kedua yang terdiri daripada Konst. Det. Abu Hussin dan Konst. Det. Roslan ditempatkan di sebelah kanan jalan bertentangan dengan kedudukan pasukan pertama iaitu ditanda [2] seperti di dalam rajah kasar (P10). Manakala pasukan ketiga yang terdiri daripada Kpl. Roslin dan Konst. Det. Charles telah masuk ke dalam semak berhampiran rumah kosong yang terbengkalai berdekatan Simpang Tiga, iaitu ditanda [3] seperti di dalam rajah kasar (P10). Kumpulan yang keempat pula yang terdiri daripada Kpl. Aziz dan Konst. Ahmad yang bertindak sebagai kumpulan penyekat ditempatkan ditanda [4] iaitu sebelum masuk ke Simpang Tiga seperti di rajah kasar (P10).

Mengikut Zorki di tempat serang hendap terdapat tiga tiang letrik yang bernyala pada malam itu dan oleh yang demikian penglihatan beliau tidak kabur. (sila lihat tanda TL di rajah kasar (P10) yang menunjukkan lokasi tiga tiang letrik itu). Jam lebih kurang 10.00 malam semasa Zorki dan pasukan sedang bersembunyi di tempat serang hendap kelihatan sebuah kereta sampai di Simpang Tiga (seperti di rajah kasar P10), berundur dan terus masuk ke kawasan serang hendap dan kereta tersebut berhenti di tanda "D" di rajah kasar (P10). Enjin kereta itu dimatikan dan kelihatan Mak keluar daripada kereta itu. Pada masa itu Mak seorang sahaja dan berdiri di tepi kereta. Pada jam 10.45 malam tertuduh kelihatan berjalan kaki daripada Simpang Tiga berlenggang lenggok tanpa membawa apa-apa barang dan terus menuju ke arah Mak. Di dalam bahasa Cina tertuduh beritahu Mak bahawa heroin ada di dalam keretanya dan meminta Mak ikut beliau ke keretanya untuk mengambil heroin itu. Mak berkeras dan enggan berganjak dan meminta tertuduh bawa heroin itu di tempat itu juga. Tertuduh bersetuju dan beliau kelihatan berjalan kaki menuju ke arah Simpang Tiga. Lebih kurang 20 minit kemudian sebuah kereta jenis Datsun Sunny berwarna putih nombor pendaftaran PAP 8628 (P8) kelihatan masuk ke kawasan serang hendap secara berundur dan terus berhenti di tempat bertanda "E" di dalam rajah kasar (P10). Enjin kereta itu (P8) dimatikan dan kelihatan tertuduh keluar berseorangan daripada kereta itu. Tertuduh terus pergi ke bahagian pintu belakang kereta (P8) sebelah kiri, membuka pintu dan keluarkan satu beg plastik berwarna putih. Tertuduh kelihatan memegang dengan tangan kanannya satu beg plastik berwarna putih dan menuju ke Mak yang pada masa itu sedang berdiri. Tertuduh letakkan satu beg plastik berwarna putih itu di atas tanah seperti di tanda "X" di dalam rajah kasar (P10). Tertuduh dan Mak terus cangkong dan mereka berdua keluarkan barang-barang daripada beg plastik berwarna putih itu. Pertama yang dikeluarkan adalah beg plastik berwarna biru dan diasingkan. Kemudian mereka berdua keluarkan lima bungkusan kertas surat khabar daripada beg plastik berwarna putih dan Mak membuka dua daripada lima bungkusan kertas surat khabar daripada beg plastik berwarna putih itu. Mak koyakkan dua bungkusan kertas surat khabar itu dan dapati di dalamnya mengandungi bungkusan plastik putih yang mengandungi serbuk ketulan (powder/granular) yang disyaki heroin. Mak terus tebuk

dengan menggunakan jarinya ke atas satu bungkusan plastik putih dan keluarkan serbuk (powder) dan ketulan (granular) sedikit sahaja untuk membuat pemeriksaan rambang. Mak kemudiannya telah meletakkan serbuk (powder) dan ketulan (granular) itu di atas timah rokok yang telah disediakan oleh beliau sendiri lalu membakarnya daripada bawah timah rokok itu dengan menggunakan pemetik api (lighter). Mengikut Mak bahan tersebut cair dan basah dan berdasarkan pengalamannya ini menunjukkan bahawa bahan itu adalah heroin. Mak campakkan timah rokok serta bahan yang dibakar itu ke atas tanah. Mengikut Mak beliau tidak keluarkan barang di dalam beg plastik berwarna biru tetapi telah melihat barang itu, iaitu, dua bungkusan surat khabar. Selepas itu Mak terus pergi ke keretanya dan membuka bonnet sebagai isyarat untuk anggota polis menyerbu. Apabila nampak isyarat ini Zorki terus keluar daripada kedudukan serang hendap dan menerpa ke arah tertuduh sambil menjerit: "POLIS JANGAN MELAWAN". Tertuduh terus bangun dan cuba melarikan diri tetapi Zorki terus terkam pada bahagian leher tertuduh dan satu pergelutan telah berlaku. Dengan bantuan anggota polis yang lain tertuduh dapat ditangkap dan terus digari. Sementara itu Mak telah melarikan diri daripada tempat kejadian itu.

Kemudian, setelah tertuduh diberkas, Zorki telah merampas kedua-dua beg plastik berwarna putih (P18) dan berwarna biru (P24) dan memeriksa isi kandungannya di hadapan tertuduh dan anggota polis yang lain di tempat kejadian. Di dalam beg plastik berwarna putih (P18) terdapat di dalamnya lima bungkusan kertas surat khabar Cina (P19, P20, P21, P22 dan P23). Di dalam setiap bungkusan surat khabar Cina terdapat satu peket berisi serbuk ketulan yang disyaki heroin. Di dalam beg plastik berwarna biru (P24) terdapat di dalamnya dua bungkusan kertas surat khabar Cina (P24A dan P25) dan di dalam setiap bungkusan surat khabar Cina terdapat satu peket berisi serbuk ketulan yang disyaki heroin.

Selepas itu Zorki telah mengarahkan Shafie untuk memeriksa sekitar tempat kejadian tetapi tidak berjaya mengesan apa-apa.

Daripada tempat kejadian tertuduh telah dibawa ke Balai Polis Bagan Serai dan semasa perjalanan ke Balai Polis tersebut kedua-dua beg plastik berwarna biru (P24) dan isi kandungannya dipegang oleh Zorki seorang diri. Setibanya di Balai Polis Bagan Serai Zorki telah mengarahkan Kpl. Det. Abdul Aziz untuk memeriksa kereta PAP 8628 (P8) di hadapan tertuduh tetapi tiada apa-apa terdapat di dalamnya. Zorki sendiri memeriksa badan tertuduh dan merampas satu kad pertukaran alamat NR 9A (P6) dan kad pengenalan tertuduh (P27). Zorki juga telah keluarkan senarai borang bongkar (P26) berkenaan barang kes.

Ahli kimia, Puan Lam Yoke Ching (SP6) telah memeriksa, menganalisa dan mengesahkan bahawa ketulan-ketulan (granular) adalah seperti ditafsirkan di dalam Akta Dadah Berbahaya 1952. Jumlah berat heroin itu adalah 273.2 gram. Ahli kimia juga telah menyatakan bahawa semasa memeriksa ketulan-ketulan itu (granular) beliau telah keluarkan daripada peket-peket plastik (P19B, P20B, P21B, P22B, P23B, P24C dan P25B) dan alihkan kepada peket-peket yang baru selepas analisa, kini peket-peket plastik yang baru yang di "heat sealed" mulutnya mengandungi heroin yang telah dianalisa (P19A, P20A, P21A, P22A, P23A, P24B dan P25A). Ini bermakna bahawa peket-peket plastik P19B, P20B, P21B, P22B, P23B, P24C dan P25B kini kosong belaka.

Di akhir kes pendakwa dan setelah mendengar, dengan telitinya, hujah-hujah pengulung, Mahkamah telah (dengan berat hati) memutuskan bahawa pihak pendakwa telah gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap tertuduh. Oleh yang demikian Mahkamah telah membebaskan dan melepaskan tertuduh di atas pertuduhan tersebut.

Di dalam kes jenayah beban membukti yang diletakkan ke atas bahu pendakwa amatlah berat. Beban membukti ini dari mula ke akhir tetap dipikul oleh pendakwa. Manakala tertuduh tidak dibebankan untuk membuktikan bahawa ia tidak bersalah. Adalah menjadi hak mutlak tertuduh untuk mengemukakan kecacatan kes pendakwaan.

Beberapa kecacatan kes pendakwaan timbul yang membawa padah kepada pihak pendakwa.

Pertama, keterangan yang diberi oleh ahli kimia (SP6) tidak mencukupi untuk Mahkamah membuat keputusan bahawa ketulan-ketulan itu adalah heroin dan beratnya adalah seperti yang dikatakan oleh ahli kimia oleh kerana beliau gagal menerangkan cara

beliau membuat pemeriksaan dan penganalisaan.

Berikut diperturunkan sepenuhnya keterangan ahli kimia berkenaan persoalan ini: (setelah ahli kimia memeriksa bungkusan yang dihantar oleh pihak polis, ahli kimia berkata)-

> I analysed the granular substance in all the above 7 plastic packets marked "M1A" to M7A" and the results of my analysis are as follows:
>
> In plastic packet "M1A" the nett weight of granular substance was 462.5 grams. The weight of heroin found was 48.6 grams.
>
> In plastic packet "M2A" the nett weight of granular substance was 463.0 grams. The weight of heroin found was 48.5 grams.
>
> In plastic packet "M3A" the nett weight of granular sustance was 464.1 grams. The weight of heroin found was 48.2 grams.
>
> In plastic packet "M4A" the nett weight of granular substance was 461.2 grams. The weight of heroin found was 48.4 grams.
>
> In plastic packet "M5A" the nett weight of granular substance was 466.6 grams. The weight of heroin found was 48.7 grams.
>
> In plastic packet "M6A" the nett weight of granular substance was 216.6 grams. The weight of heroin found was 15.3 grams.
>
> In plastic packet "M7A" the nett weight of granular substance was 217.6 grams. The weight of heroin found was 15.5 grams.
>
> The total nett weight of granular substance in these 7 plastic packets was 2,751.6 grams. And the total weight of heroin found was 273.2 grams.
>
> Heroin is listed in the First Schedule of the Dangerous Drugs Act, 1952.

Bagi menghuraikan persoalan ini saya hanya perlu merujuk kepada dua kes utama sahaja.

Di dalam kes *Munusamy v. Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 493 SC dadah yang diperiksa dan dianalisa adalah cannabis, di mana ahli kimia menyebut ujian-ujian yang dilakukannya yang menyebabkan dia berpendapat bahawa barang yang diperiksa dan dianalisanya adalah cannabis. Ujian-ujian itu adalah:

> I conducted physical examination on the materials within the paper rolls. I satisfied myself that all the contents of all the rolls were identical and of similar material. I performed colour test, microscopic examination, and thin-layer chromatography to identify the nature of the material. I found all of them to be cannabis...

Berdasarkan ujian-ujian tersebut Mahkamah Agung di dalam kes *Munusamy* memutuskan bahawa penerimaan pendapat ahli kimia oleh hakim yang membicarakan kes itu adalah betul. Mohamed Azmi HMA, yang menulis keputusan Mahkamah itu berkata di muka surat 496:

> On the above evidence, we find it difficult to appreciate the validity of various criticisms levelled at Mr. Ng: there was no dispute that Mr. Ng had been a chemist with the Chemistry Department for 12 years. He possesssed a B.Sc degree in Chemistry and Biology, and had given expert evidence in court, and such evidence had been accepted in the High Court in drug cases. As a rule, a chemist in drug case does not given any opinion as to ownership, control or possession of the substance sent for analysis, but he merely reports the result of the chemical examination of the substance. The only reason for sending the exhibits to the chemist is to determine their identity and to confirm what other witnesses have suspected. This type of opinion must in our view be distinguished from opinions which are of very technical or complicated nature, such as those given by handwriting, trade mark, copyright or ballistic experts. Without being derogatory it is common knowledge that even animals, such as sniff dogs when sufficiently trained, are able to detect certain dangerous drugs. We are therefore of the view, that in this type of cases where the opinion of the chemist is confined only to the elementary nature and identity of substance the court is entitled to accept the opinion of the expert on its face value, unless it is inherently incredible or the defence calls evidence in rebuttal by another expert to contradict the opinion. So long as some credible evidence is given by the chemist to support his opinion, there is no necessity for him to go into details of what he did in the laboratory, step by step.

Pendapat ahli kimia juga dicabar di dalam kes *Ng Yik Kwok and Ors. v. Public Prosecutor* [1989] 3 MLJ 166. Dadah yang terdapat di dalam kes itu adalah heroin. Dzaiddin H.M.T (pada masa itu) di dalam penghakimannya menyentuh berkenaan keterangan ahli kimia seperti berikut:

> I first examined packet "E". I found a plastic packet containing an off-white powder

marked "E". I then took a nett weight of the powder and found it to weigh 2,708 grammes. I sampled up a small amount of the total weight ...

I sampled a small amount of substance from each packet. I carried out a qualitative analysis of the samples from packets "E" to "I". I found each sample to contain heroin. I then proceeded to get a quantitative estimation of the samples (content of heroin). I found;

packet "E" contained 2525 grammes of heroin; packet "F" contained 2535 grammes of heroin; packet "G" contained 2594 grammes of heroin; packet "H" contained 2575 grammes of heroin, and packet "I" contained 2530 grammes of heroin.

Dalam memutuskan bahawa keputusan Dzaiddin H.M.T (pada masa itu) adalah betul tatkala menerima keterangan ahli kimia, HashimYeop A. Sani H.B.M (pada masa itu) berkata:

The other issue raised on behalf of all the appellants was that the learned Judge should not have accepted the evidence of the chemist, PW27. This objection arose because in his grounds of decision the learned Judge said that he had to accept the evidence of the chemist because of the lack of cross-examination. On perusing the grounds of decision of the learned Judge we disagreed that this was the real ground for his accepting the evidence of the chemist. The chemist (PW27) had more than ten years experience in his work and when he examined the exhibits given to him by the police he was very specific in his findings. He carried out a qualitative analysis of the samples and found each sample to contain heroin. Then he proceeded to get a quantitative examination of the samples and found that

packet "E" contained 2,525 grammes of heroin; packet "F" contained 2,535 grammes of heroin, packet "G" contained 2,594 grammes of heroin, packet "H" contained 2, 575 grammes of heroin and packet "I" contained 2,530 grammes of heroin.

We were of the view that it was correct for the learned Judge to accept the evidence of the chemist because it was clear from the notes of proceedings that the chemist was a qualified and experienced chemist and the instructions given to him by the police were clear and his findings were specific.

Perlu ditekankan di sini bahawa di dalam kes *Munusamy* ahli kimia ada menyebutkan bahawa dia telah melakukan "colour test, microscopic examination and thin-layer chromatography". Manakala di dalam kes *Ng Yiu Kwok* ahli kimia ada menyebutkan bahawa dia telah melakukan "qualitative analysis" dan "qualitative estimation". Tetapi di dalam kes ini ahli kimia gagal menyebutkan sedemikian rupa. Ahli kimia hanya menyatakan bahawa dia "memeriksa dan menganalisa" bahan berkenaan yang dihantar oleh polis.

Soal pokok yang perlu ditonjolkan adalah sama ada keterangan ahli kimia (SP6) bahawa bahan itu adalah "heroin" boleh diterima? Dengan lain perkataan (yang lebih tepat) adakah saya berpuashati melampaui was-was yang berpatutan bahawa ketulan-ketulan yang dikemukakan di Mahkamah adalah heroin? Jawapannya ialah saya tidak berpuashati bahawa ketulan-ketulan itu adalah "heroin". Bagi saya kegagalan menyebut nama-nama ujian yang dijalankan oleh ahli kimia (SP6) merupakan satu perkara pokok yang membangkitkan was-was terhadap keputusan ahli kimia (SP6) dan oleh yang demikian keterangan ahli kimia (SP6) itu tidak patut diterima.

Kedua, berkenaan identiti barang kes. Mengikut Mak yang memeriksa secara rambang barang kes di tempat kejadian beliau tebuk satu bungkusan dan keluarkan **serbuk (powder) dan ketulan (granular)** sedikit sahaja. Zorki yang bergelut dengan tertuduh di tempat kejadian dan kemudian merampas barang kes telah menyokong Mak dan menyatakan bahawa barang kes adalah **serbuk** (powder) **ketulan** (granular) yang disyaki heroin. Tetapi ahli kimia (SP6) yang menerima barang kes pada 3 Ogos 1991 jam 11.50 pagi di pejabatnya di Ipoh daripada PPP Mohd. Isa bin Abdul Wahab menyatakan:

I examined the package "XX" and I found in it a white and red "HITACHI" plastic bag in which were 5 newspaper packages marked "M1" to "M5" respectively containing a plastic packet each. The 5 plastic packets marked "M1A" to "M5A" respectively contained an orange granular substance each.

I also found inside the package "XX" a blue plastic bag in which were 2 newspaper packages marked "M6" and "M7" respectively containing a plastic packet each. The 2 plastic

packets marked "M6A" and "M7A" respectively contained **a light brown granular substance** each.

Perbezaan keterangan-keterangan di antara anggota-anggota polis dengan ahli kimia berkenaan barang kes yang disebutkan di atas menimbulkan satu keraguan yang serius berkenaan identiti barang kes iaitu sama ada barang kes yang dirampas oleh Zorki daripada tertuduh di tempat kejadian **adalah barang kes yang sama** yang dianalisa oleh ahli kimia (SP6) dan kemudiannya dibawa ke Mahkamah pada tarikh perbicaraan. Berdasarkan kepincangan ini tertuduh wajib dibebaskan tanpa dipanggil untuk membela diri (*Yeong Kia Heng lawan Pendakwa Raya* [1992] 1 CLJ 364 M.A., merupakan keputusan Mahkamah Agung di mana barang kes yang dirampas oleh polis berbeza dengan apa yang dihantar ke ahli kimia).

Ketiga, peket-peket plastik iaitu P19B, P20B, P21B, P22B, P23B, P24C dan P25B pada masa dirampas oleh Zorki mengandungi serbuk ketulan yang disyaki heroin. Salah satu daripada peket-peket plastik ini telah ditebuk oleh Mak di tempat kejadian untuk membolehkan Mak mengeluarkan sedikit serbuk ketulan itu bagi tujuan pemeriksaan rambang. Mak telah menyatakan bahawa salah satu daripada peket plastik ini telah ditebuk dengan menggunakan jarinya dan selepas itu dia telah keluarkan sedikit serbuk ketulan dan diletakkan di atas timah rokok yang telah disediakan oleh dia sendiri. Selepas itu Mak telah bakar bahan itu dengan menggunakan pemetik api (lighter). Bahan tersebut menjadi cair dan basah. Mengikut Mak ini menandakan bahawa bahan itu adalah heroin berdasarkan pengetahuannya. Mengikut Mak lagi selepas menjalankan pemeriksaan rambang ini dia telah buangkan timah rokok bersama bahan yang cair dan basah itu di tempat kejadian. Yang membawa padah kepada kes pendakwa ialah:

(1) kesemua peket-peket plastik iaitu P19B, P20B, P21B, P22B, P23B, P24C dan P25B. (sekarang sudah menjadi peket-peket plastik kosong kerana ahli kimia telah pindahkan bahan-bahan di dalamnya selepas analisa ke dalam peket-peket yang baru, iaitu, P19A, P20A, P21A, P22A, P23A, P24B dan P25A) tidak ada kesan ditebuk. Mak sendiri tidak dapat camkan mana satu daripada peket-peket plastik itu telah ditebuk oleh dia sendiri.

(2) timah rokok yang mengandungi bahan cair dan basah itu tidak dikemukakan sebagai barang kes. Kenapa Mak tidak kutip timah rokok ini? Kenapa pegawal penyiasat PPP Mohd. Isa bin Abdul Wahab (SP2) ("Isa") yang pergi ke tempat kejadian pada 2 Ogos 1991 jam 2.00 pagi tidak mengambil timah rokok yang mengandungi bahan cair dan basah itu? Apa sebabnya timah rokok ini tidak dikemukakan sebagai barang kes oleh pihak pendakwa?

Pasukan polis yang bersembunyi di tempat kejadian pada 1 August 1991 jam lebih kurang 11.05 malam khususnya Zorki dan Shafie nampak Mak menyalakan api (mengikut Zorki di dalam pemeriksaan utama dia nampak api dinyalakan oleh Mak. Di dalam pemeriksaan balas Zorki menyatakan Mak cuba test sama ada dadah itu tulin atau tidak dengan menggunakan lighter. Manakala mengikut Shafie di dalam pemeriksaan utamanya dia nampak Mak menyala api tersebut. Api itu datangnya daripada lighter atau mancis api. Dan di dalam pemeriksaan balas Shafie menyatakan bahawa dia nampak Mak menyala api (tidak pasti lighter atau match) dan beliau buka api itu sekejap sahaja). Bagi Zorki perbuatan Mak adalah satu perbuatan yang mengikuti arahan beliau (Zorki) sendiri. Tanpa timah rokok yang mengandungi bahan cair dan basah itu dikemukakan sebagai barang kes maka rangkaian keterangan kes pendakwaan telah terputus dan dengan sendirinya membawa padah kepada pihak pendakwa.

Saya sedar bahawa keterangan Mak selaku ejen perangkap dan bukan sebagai rakan sejenayah tidak perlu sokongan (lihat *Rex v. Bickley* 73 JP 239 dan *R v. Mullins* 3 Cox's Cr. Cases 526 di muka surat 531) dan Mak juga tertakluk di bawah s. 40A Akta Dadah Berbahaya 1952 di mana keterangan beliau juga tidak perlu sokongan. Walau bagaimanapun rangkaian keterangan kes pendakwaan tetap terputus tanpa timah rokok itu dikemukakan sebagai barang kes. (*Sia Soon Suan v. Public Prosecutor* [1966] 1 MLJ 116).

Tidak ada keterangan langsung sama ada Mak atau Isa telah mengutip timah rokok itu

dan kalau tidak kenapa. Isa sebagai pegawai penyiasat bertanggungjawab untuk menjalankan penyiasatan dengan cermat, rapi dan teratur. Mahkamah dapati Isa tidak melaksanakan tugasnya dengan tekun dan ini melemahkan dan membawa padah kepada kes pendakwaan.

Keempat, mengikut ahli kimia (SP6) barang kes diterima daripada Isa pada 3 August 1991 jam 11.50 pagi dan dipulangkan kepada Isa pada 16 Disember 1991 jam 11.10 pagi. Dalam jangka masa lebih kurang 4 bulan 15 hari barang kes bersama ahli kimia. Di dalam pemeriksaan balas ahli kimia menyatakan bahawa beliau perlu 2 minggu sepenuh masa untuk menganalisa barang kes. Di dalam pemeriksaan semula ahli kimia menyatakan bahawa untuk menganalisa dadah berbahaya beliau mengikuti jadual pekerjaan. Setiap kali beliau keluarkan barang kes daripada 'locker' penganalisaan akan dilakukan di atas meja kerja. Selepas selesai menganalisa beliau akan meletakkan balik barang kes ke dalam 'locker' itu dan menutup kunci 'locker' tersebut. Setiap kali beliau bekerja untuk menganalisa dadah berbahaya beliau akan tumpukan kepada satu kes sahaja dan selepas selesai menganalisa beliau akan menyimpan balik barang kes ke dalam 'locker'dan tutup dan kunci 'locker' tersebut. Daripada keterangan ahli kimia jelas menunjukkan bahawa barang kes di dalam kes ini tidak dianalisa pada satu hari. Ianya dianalisa di dalam jangka masa dua minggu dan setiap kali hendak dianalisa barang kes itu akan dibawa keluar daripada 'locker' yang berkunci dan selepas selesai menganalisa barang kes akan juga disimpan di dalam 'locker' yang berkunci itu. Walaupun ahli kimia ada menyatakan di dalam pemeriksaan utama bahawa barang kes tidak dicampur dengan barang kes lain semasa menjalankan analisa **tetapi** tidak ada keterangan bahawa di dalam "locker" itu tidak terdapat barang kes dadah yang lain selain daripada barang kes dadah di dalam kes ini. Ingin dinyatakan di sini bahawa ahli kimia telah tumbuk semua ketulan-ketulan untuk menjadikan ketulan-ketulan itu berbentuk serbuk sebelum menganalisanya. Di dalam bentuk serbuk sukar untuk membezakan di antara satu heroin dengan heroin yang lain khususnya sukar untuk memastikan heroin di dalam kes ini dengan heroin dengan kes-kes dadah yang lain di mana ahli kimia itu (SP6) juga menganalisanya di makmalnya. Oleh itu tanpa keterangan bahawa "locker" itu khusus untuk barang kes di dalam kes ini sahaja, maka keraguan timbul bahawa mungkin (ini adalah satu inferen yang munasabah) di dalam 'locker' itu terdapat barang kes dadah heroin berkenaan kes lain Juga tersimpan di dalam "locker" itu. Dengan perkataan lain, di dalam kes ini pendakwa telah gagal mengemukakan keterangan-keterangan yang perlu untuk menunjukkan bahawa barang kes dikawal dengan rapi oleh ahli kimia (SP6) **semasa** beliau menyimpan dadah itu di dalam 'locker'nya. (lihat *Sun Kam Heng v. Public Prosecutor* [1993] 1 AMR 2 SC dan *Shamsuddin bin Hassan & Anor. v. Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 314 SC).

Kelima, penyiasatan juga tidak menunjukkan bahawa keratan kuku tertuduh telah diambil untuk memastikan bahawa tertuduh telah memegang barang kes. Mak ada katakan bahawa dia bersama-sama tertuduh telah mengeluarkan bungkusan-bungkusan daripada beg plastik peket berwarna putih tatkala mereka berdua bercangkong di tempat kejadian. Sudah tentu kuku tertuduh akan mengandungi kesan-kesan heroin jika tertuduh memegang dan mengeluarkan bungkusan-bungkusan daripada beg plastik peket berwarna putih itu. Juga cap jari tidak diambil daripada bungkusan-bungkusan yang membalut barang kes. (lihat *R v. Castleton* [1909] Cr. App. Rep 74 dan bandingkan dengan *Baidyanath v. Allef Jan Bibi* 36 CLJ 9, 70 IC 194). Tanpa kedua-dua perkara ini, maka kelemahan kes pendakwaan semakin memuncak.

Keenam, senarai borang bongkar (P26) yang dikeluarkan oleh Zorki kepada tertuduh pada 1 Ogos 1991 di mana tertuduh telah menanda-tangani dan perakukan penerimaannya (P26A) adalah di dalam Bahasa Malaysia. Di ruang bawah senarai borang bongkar itu (P26) terdapat catatan-catatan "jurubahasa" dan "tandatangan" yang tidak dikenalpasti dan nama Konst. Det. 74136 Megat Aznam bin Megat Samad. Besar kemungkinan (ini merupakan inferen yang munasabah) bahawa tertuduh tidak faham Bahasa Malaysia dan Konst. Det. 74136 Megat Aznam bin Megat Samad bertindak sebagai seorang jurubahasa. Malangnya pihak pendakwa tidak memanggil Konst. Det. 74136 Megat Aznam bin Megat Samad sebagai saksi untuk memberi keterangan tetapi menyerahkan beliau kepada

pihak pembelaan semasa menutup kes pihak pendakwaan. Oleh itu kesahihan senarai borang bongkar (P26) ini boleh dipertikaikan dan tidak patut diterima sebagai keterangan. Peri mustahaknya senarai borang bongkar (P26) tidak dapat dinafikan. Jika pihak pendakwa gagal mengemukakan senarai borang bongkar Mahkamah akan mempersoalkannya. Selalunya senarai borang bongkar ini akan menunjukkan "integrity" pegawai polis yang menyediakannya bahawasanya perkara yang dinyatakan oleh pegawai polis itu di dalam keterangan lisannya dapat sokongan di dalam butiran yang tercatat di dalam senarai borang bongkar itu. Dalam penghakiman saya senarai borang bongkar mesti diutarakan oleh pihak pendakwa bagi menguatkan kes pendakwaan kecuali ada sebab-sebab tertentu dan sikap pegawai polis mengeluarkan senarai borang bongkar ini harus disanjung tinggi dan perlu diteruskan.

Berdasarkan kecacatan-kecacatan yang disebutkan di atas saya membuat keputusan bahawa keterangan pihak pendakwa jauh kekurangan dan tidak mencukupi untuk membuktikan suatu kes *prima facie.* Ini amat mendukacitakan memandangkan bahawa tertuduh ditangkap ekoran daripada peranan Mak yang berjaya sebagai ejen perangkap mengumpan tertuduh untuk menjual dadah heroin itu. Tetapi di dalam perbicaraan jenayah beban pihak pendakwa amat berat dan sebarang keraguan yang timbul mesti diberikan kepada tertuduh.

Oleh itu saya membebaskan dan melepaskan tertuduh tanpa dipanggil membela diri.

PENDAKWA RAYA

lwn.

TAN HON TONG

MAHKAMAH TINGGI, KUANTAN
DATO' HJ. LAMIN BIN HJ. MOHD YUNUS H.
[PEMBICARAAN JENAYAH NO. 47-2-1989]
28 JANUARI 1993

DADAH BERBAHAYA: Pertuduhan mengedar dadah heroin - Kes prima facie dibuktikan - Pembelaan dipanggil - Angappan statutori terhadap pemilikan dan pengedaran - Sama ada tertuduh berjaya mematahkan angappan statutori terhadap pemilikan dan pengedaran dadah berbahaya atas imbangan kebarangkalian - Sama ada tertuduh berjaya menunjukkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwa.

Tertuduh telah ditangkap semasa menunggang motorsikalnya dan setelah pemeriksaan dibuat keatas motorsikal tersebut, dadah berbahaya jenis heroin didapati disembunyikan didalam tempat duduk motorsikal tersebut. Tertuduh dituduh mengedar dadah berbahaya, satu kesalahan dibawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Diakhir kes pendakwa, Mahkamah mendapati bahawa satu kes *prima facie* telah dibuktikan terhadap tertuduh dan ia di panggil untuk memasukkan pembelaannya.

Pembelaan tertuduh dengan ringkasnya ialah bahawa apabila tempat duduk motorsikal dibuka selepas ia ditahan, tidak ada apa-apa terjumpa dan hanya kemudian selepas motorsikalnya diperiksa oleh seorang anggota polis secara membongkok-bongkok, satu bungkusan surat khabar Cina yang mengandungi satu plastik dijumpai dan di dalamnya ada serbuk berwarna merah ditunjukkan kepadanya.

Diputuskan:

[1] Kes pembela adalah satu penidakan semata-mata (a bare denial) yang mana dari segi undang-undang tidak boleh diterima sebagai satu pembelaan yang membangkitkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwa.

[2] Dengan adanya bertentangan di antara keterangan tertuduh dalam Mahkamah dengan apa yang tercatit dalam pernyataan beramarannya berkenaan perkara-perkara